

Kutipan Sumbangan Bantuan Persediaan Bencana Banjir di Negeri Kedah Darul Aman

YBhg. Prof. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

1. Sebagai persediaan awal untuk menghadapi kemungkinan banjir yang dijangka melanda negeri Kedah Darul Aman pada bulan November ini, UKM akan menjalankan satu kutipan derma dari seluruh warganya bagi bantuan persediaan bencana banjir.

2. Pejabat Hubungan Universiti-Masyarakat (PHUM) bagi pihak Pejabat Timbalan Naib Canselor HEJIM, dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Pelajar dan Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA, akan menjalankan kutipan sumbangan dari warga UKM mulai 1 November 2011 ini. Sumbangan ini akan diperuntukkan untuk membantu dalam penyediaan pasukan penyelamat dan pemindahan mangsa-mangsa banjir di kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir, serta penyaluran bantuan kepada keluarga yang terjejas. Untuk makluman YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, pada bulan November 2010 lebih daripada 40,000 keluarga telah terjejas oleh banjir yang melanda Kota Setar, Kubang Pasu dan Padang Terap.

3. Semua sumbangan iktisad dari warga UKM yang terkumpul akan disalurkan melalui Yayasan Sultanah Bahiyah, sebuah organisasi amal yang dinamakan bersempena dengan pengasas dan penaung Di Raja yang pertama iaitu Almarhumah Tuanku Bahiyah Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman. Yayasan ini kini diterajui oleh YTM Dato' Seri Tunku Puteri Intan Safinaz binti KDYMM Tuanku Sultan Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah yang juga merupakan Pro-Canselor UKM.

5. Sumbangan derma boleh dibuat dengan cara-cara berikut:

- Akaun Bank: 12180005001058 CIMB atas nama Sumbangan Banjir Kedah 2011 (mohon diserahkan bukti pembayaran kepada PHUM)
- Cek atas nama Bendahari UKM: Tuliskan dibelakang cek (Sumbangan Banjir Kedah 2011)
- Wang Tunai: Dikumpul oleh Wakil/Penolong Pendaftar yang dilantik oleh Dekan/Pengarah fakulti/institute/jabatan dan diserahkan kepada PHUM di alamat berikut:

Pengurus
Pejabat Hubungan Universiti-Masyarakat (PHUM)
Aras 5 Kompleks Pentadbiran Kolej Keris Mas
Universiti Kebangsaan Malaysia
Tel: 8921 3355/4653/4655

6. Sekiranya pihak YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Prof/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan, mohon hubungi Puan Farah di talian 03-89213355 atau emel farahf@ukm.my

Sekian, segala kerjasama daripada YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amatlah hargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.